



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

---

---

Jil. 57  
Bil. 19

**9hb September 2004**

*TAMBAHAN  
No. 1*

---

---

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987  
(Akta 333)

ROAD TRANSPORT ACT 1987  
(Act 333)

**No. 1236.**

PERINTAH TEMPAT-TEMPAT PERHENTIAN BAGI KENDERAAN-KENDERAAN  
PERKHIDMATAN AWAM (MAJLIS BANDARAYA IPOH) 2004

ORDER OF PUBLIC VEHICLES STATION (MAJLIS BANDARAYA IPOH) 2004

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 72(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Majlis Bandaraya Ipoh dengan ini menetapkan bahawa Perhentian Bas di Silveritage Galleria, Medan Gopeng, yang terletak di atas tanah P.T. 153533 dalam Rizab Melayu Sungai Rapat, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta, Ipoh, Perak Darul Ridzuan sebagai Tempat Perhentian bagi Kenderaan-kenderaan Perkhidmatan Awam (Perkhidmatan Bas dan Teksi) mulai 28 Julai 2004.

Bertarikh 28 Ogos 2004

[MBI J2/227/30/4; P.U. Pk. 81/70 Jld 1]

DATO' HASSAN NAWAWI BIN ABD RAHMAN  
*Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Ipoh*

In exercise of the powers conferred by section 72(1) of the Road Transport Act 1987 [Act 333], Ipoh City Council hereby declares that the bus station at Silveritage Galleria, Medan Gopeng, situated on P.T. 153533 in Sungai Rapat Malay Reserve, Mukim Hulu Kinta, District of Kinta, Ipoh, Perak Darul Ridzuan as the Station For Public Services Vehicles (Bus and Taxi Services) with effect from the 28 of July 2004.

Dated 28 August 2004

[MBI J2/227/30/4; P.U. Pk. 81/70 Jld 1]

DATO' HASSAN NAWAWI BIN ABD RAHMAN

*Mayor*

*Ipoh City Council*

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE

(Act 56 of 1965)

**No. 1237.**

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara, [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Jalan Sultan Jaafar, Bandar Taiping, Daerah Larut dan Matang yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu suatu tapak kediaman Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Taiping.

JADUAL

Daerah—Larut dan Matang. Mukim—Bandar Taiping. No. Pelan—PA 82808.  
No. Lot—1262. Luas—1 ekar 2 rod 34 pol.

Bertarikh 17 Ogos 2004

[PTG.Pk. 533/8-2(C); PTLM 370/3/87/10;  
P.U. Pk. 67/71-54]

HAJI SHARAIDIN BIN TAKIN

*Setiausaha,*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan,  
Perak*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Jalan Sultan Jaafar, Bandar Taiping, the District of Larut and Matang, Taiping for a public purpose to wit, a site for the residence of the President of the Taiping Municipal Council and has designated that the State Secretary, Perak shall have control of the said reserved land and the said reserved land shall be maintained by the Taiping Municipal Council.

## SCHEDULE

District—Larut and Matang. Mukim—Bandar Taiping. Plan No.—PA 82808.  
Lot No.—1262. Area—1 acre 2 rod 34 pole.

Dated 17 August 2004  
[PTG.Pk. 533/8-2(C); PTLM 370/3/87/10;  
P.U. Pk. 67/71-54]

HAJI SHAR Aidin Bin Takin  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak*

**No. 1238.**

(Seksyen 261)

## SAMAN KEPADA PENGGADAI SUPAYA HADIR DALAM SIASATAN

Kepada Hasliza binti Hassan yang beralamat di No. 54, Jalan Sg. 10/2, Taman Sri Gombak, 68100 Batu Caves, Selangor penggadai dalam gadaian yang tersebut dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tersebut di dalamnya.

Bahawasanya saya telah menerima daripada pemegang gadai dalam gadaian yang tersebut suatu permohonan supaya perintah jual dikeluarkan di bawah seksyen 260(2) Kanun Tanah Negara.

Dan bahawasanya saya bercadang hendak mengadakan suatu siasatan berkenaan dengan permohonan tersebut di Pejabat Tanah, Batang Padang, Tapah pada 23 September 2004, jam 10.00 pagi.

Oleh yang demikian menurut seksyen 261(1)(c), Kanun Tanah Negara tuan/puan adalah dengan ini dikehendaki hadir dalam siasatan tersebut dan menunjukkan sebab-sebab perintah tersebut tidak dapat dibuat.

JADUAL STANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Batang Padang. No. PT—607. Jenis dan No. Hakmilik—HS(M) 544.  
Bahagian Tanah—Semua bhg. No. Berdaftar Gadaian—No. Pers. 965/98  
Jilid : 115 Folio : 15.

Bertarikh 2 September 2004  
[PTBP(D) 9/400]

ABDUL MANAP BIN ISMAIL  
*Penolong Pegawai Daerah (T)*  
*b.p. Pendbir Tanah*  
*Batang Padang, Perak*

Hakcipta Pencetak<sup>®</sup>

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

---



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA